

Personaliti Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (Satu Tinjauan Melalui Psikometrik Tajma Edisi 2)

Mohd Fahridzakki Bin Abd Rahman¹ , Zuria Mahmud²
fah133964@gmail.com¹

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia¹²

Abstract. Kajian ini bertujuan untuk melihat 11 tret personaliti yang dominan untuk Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) Malaysia. Melalui psikometrik TAJMA (Edisi 2), terdapat 11 Tret personaliti ialah Asertif, Analitikal, Keterbukaan, Keyakinan Diri, Kepimpinan, Jati Diri, Prihatin, Silang Budaya, Pencapaian, Integriti dan Patriotisma. Seramai 101 orang guru pelatih semester lapan terlibat, yang terdiri daripada unit Muzik, Pemulihan, Pendidikan Jasmani dan TESL. Mereka terdiri daripada 17 orang lelaki dan 84 orang perempuan. Alat kajian yang digunakan ialah inventori soal-selidik Profil Personaliti TAJMA Edisi 2 (PPT2) yang mempunyai reliabiliti dan validiti 0.8 ke 0.9. Kajian mendapati daripada 11 tret personaliti tersebut, terdapat 3 tret personaliti dominan yang mendapat peratus tinggi ialah Keterbukaan, Prihatin, dan Integriti. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru pelatih ini mempunyai personaliti seorang guru yang berkesan untuk berkhidmat di sekolah kerana 3 tret personaliti tersebut adalah merupakan antara ciri-ciri personaliti utama dan dominan yang perlu ada pada seseorang guru.

Keywords: Guru Pelatih, Profil Personaliti, Tret Personaliti TAJMA

1 Pendahuluan

Guru adalah insan yang cukup istimewa lantaran tanggungjawab dan amanah yang terpaksa dipikul untuk mendidik manusia menjadi insan yang berperibadi mulia, berakhlak tinggi dan kamil. Guru merupakan suri teladan, oleh itu sudah semestinya guru menunjukkan contoh yang baik dan mereka haruslah mempunyai personaliti diri yang unggul bagi menjamin prestasi kerja yang unggul. Perkembangan pesat yang berlaku dalam era pendidikan abad ke 21 kini memperlihatkan pelbagai pembaharuan dan inovasi telah berlaku bukan sahaja dalam bidang sains dan teknologi, ekonomi, pengurusan dan perniagaan, malahan turut membawa cabaran kepada bidang pendidikan. Cabaran besar yang dihadapi dalam kerjaya pendidikan hari ini adalah untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, berwawasan, berketerampilan, memiliki sahsiah diri terpuji sebagaimana yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam menahului cabaran ini, sudah tentulah warga pendidik harus mempunyai pengetahuan luas, berkemahiran dan memiliki personaliti yang unggul. Secara tidak langsung cabaran ini turut dihadapi oleh Institut Pendidikan Guru yang menjadi satu institusi yang melahirkan tenaga pengajar yang akan mengajar generasi pada masa yang akan datang perlu

memastikan bahawa guru keluarannya mempunyai ciri ciri personaliti sebagai seorang guru yang berkesan dan berketrampilan.

Penggunaan aplikasi psikometrik dalam pembangunan psikologi diri pekerja di negara barat telah bermula sejak awal abad 20 dan selepas era perang dunia kedua (Boyle, 2008). Penggunaan aplikasi psikometrik berorientasi barat digunakan secara meluas di institusi-institusi pendidikan tinggi awam di Malaysia (Muhd Mansur Abdullah, 1993; Sidek Mohd Noah, 2005).. Tret personaliti PPT2 memberikan suatu panduan dalam menyusun semula kemahiran dan kompetensi sedia ada pada kaunselor muslim di IPT. (Hasbullah, Ahmad Syukran&, Mohd Tajudin, 2016).

Profil Personaliti TAJMA Edisi 2

Profil Personaliti TAJMA Edisi 2 atau PPT2 adalah instrumen yang disusun berdasarkan nilai-nilai dan norma masyarakat Malaysia. PPT2 dibina oleh inovatif sohor Universiti Teknologi Malaysia, Mohd Tajudin Ninggal. PPT2 mendapat hakcipta pada tahun 2003. PPT2 mempunyai kebolehpercayaan alpha Cronbach (α) .99 dan bersesuaian yang disyorkan oleh teori ujian klasikal (Chua Yan Piaw, 2013; Haslina Hanapi, 2013). Psikometrik PPT2 bukan sahaja bercirikan self-report malahan tersedia juga didalam talian. PPT2 dan merupakan pelopor instrumen psikometrik dalam talian tempatan yang pertama di Malaysia.

Tret-tret yang diukur oleh PPT2 adalah Asertif (Asertif), Analitikal (Analitikal), Keterbukaan (Keterbukaan), Keyakinan Diri (Keyakinan Diri), Kepimpinan (Kepimpinan), Jati Diri (JD), Prihatin (PT), Silang Budaya (SB), Pencapaian (PN), Integriti (IG), dan Patriotisme (PM). Terdapat satu tret personaliti PPT2 iaitu tret Ketidakselarasan (KS) yang bertujuan mengukur keakuratan dapatan hasil PPT2 itu. Dapatan tret personaliti PPT2 diinterpretasikan dengan lima tahap melalui skor min. Interpretasi PPT2 itu adalah tahap tinggi, sederhana tinggi, sederhana, sederhana rendah dan rendah. Psikometrik PPT2 telah diterima oleh agensi pendidikan negara sama ada di Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Institut Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri ataupun di Institusi Pendidikan Tinggi Awam Malaysia seperti Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Malaysia malahan sejumlah bengkel-bengkel pentauliahian praktis.

Pengaruh Psikometrik Personaliti

Aplikasi psikometrik, berupaya mengumpul dan mengesan maklumat penting psikologi diri seperti bakat, minat dan kebolehan manusia. Di samping itu, pengujian psikometrik berkemampuan mengukur aspek kebolehan, kekuatan dan kelemahan yang ada dalam diri individual itu. Mohd Tajudin Ninggal (2014) menyatakan manfaat dari data profil adalah penting sebagai tunjang dalam haluan sesebuah kerjaya. Melalui profil itu, proses penyeliaan akan menjadi mudah dan berfokus kerana tret personaliti akan menjadi asas utama dalam membantu peningkatan efikasi praktis seorang guru. Kualiti personaliti guru merupakan faktor kritikal dalam menentukan sesebuah kejayaan sesebuah sekolah tersebut. Dapatan personaliti ini memberikan pedoman kepada guru pelatih itu sendiri untuk melakukan muhasabah diri dan refleksi bagi memperbaiki tret personaliti dan menggunakan kekuatan yang ada pada dirinya sewaktu meraka berada di sekolah kelak. Ia juga dapat membantu para

pensyarah untuk mengenalpasti potensi dan personaliti guru pelatih meraka dengan lebih baik lagi.

Pernyataan Masalah

Umum sudah mengetahui bahawa guru merupakan penyumbang utama terhadap prestasi pelajar. Sikap guru yang tidak professional seperti mengabaikan penampilan diri, kurang bermotivasi dan bahasa pertuturan yang kasar menyumbang kearah kegagalan bagi mengikis persepsi negatif pelajar bahawa terhadap sesuatu subjek itu susah. Masalah ini dilihat berhubung terus dengan cabaran dan permasalahan yang sering berlaku disekolah seperti guru bertindak kasar dengan murid, guru tidak mempunyai gaya yang menarik sewaktu menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dan isu murid ponteng sekolah sebab pengajaran guru tidak berjaya menarik minat murid untuk belajar.

Kesannya nanti boleh mengagalkan hasrat dasar kerajaan dalam dasar pendidikan Negara yang mensasarkan 60 peratus murid dalam aliran sains berbanding 40 peratus aliran sastera tidak tercapai. Kurangnya kesedaran terhadap kepentingan personaliti diri dikalangan guru menjadikan guru tidak berkemampuan dalam menarik minat dan motivasi pelajar kerana pengajaran yang baik bukanlah semata-mata berdasarkan teknik pengajaran pengajar tetapi terhasil daripada identiti dan personaliti yang dipamerkan oleh pengajar. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bagi mengkaji ciri personaliti pelatih guru yang terdapat di sebuah insititut Pendidikan Guru. Dapatan kajian ini diharapkan nanti akan memberi sumbangan dalam bidang ilmu itu sendiri serta pengkaji akan datang.

Objektif Kajian

Objektif Umum :

Kajian ini akan meninjau corak profil personaliti PPT2 dalam kalangan guru pelatih di sebuah institut Pendidikan Guru. Kajian ini ingin melihat apakah tret yang paling dominan dalam kalangan guru pelatih.

Objektif khusus :

Secara khususnya, kajian ini diharap dapat:

1. Menenal pasti tret personaliti yang paling dominan dalam kalangan guru pelatih .
2. Menenal pasti tahap setiap tret personaliti dalam kalangan guru pelatih.

2 Metode

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu tinjauan deskriptif terhadap personalitii guru pelatih di sebuah Intititut Pendidikan Guru. Azizi (2006) menyatakan kajian berbentuk deskriptif adalah digunakan secara meluas dalam bidang penyelidikan bagi mengumpul data dan maklumat. Tinjauan deskriptif bertujuan mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri-ciri suatu populasi. Mohd Majid (2005) menyatakan

penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 101 orang Guru Pelatih semester 8, ambilan Jan 2012 yang terdiri dari Opsyen Muzik, Opsyen Pemulihan, Opsyen TESL dan Opsyen Pendidikan Jasmani. Data profil kajian ini diperolehi melalui PPT2 (dalam talian). Atas pertimbangan etika profesion, nama responden dan nama institusi pendidikan tinggi awam responden berkhidmat tidak dinyatakan.

3 Hasil dan Pembahasan

Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Kaum

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Melayu	19	18.8
Cina	15	14.9
India	67	66.3
Jumlah	101	100.0

Berdasarkan Jadual 1, daripada 101 orang responden ($n=101$), didapati bahawa 67 orang (66.3%) terdiri dari pada pelajar yang berbangsa India, 19 orang berbangsa Melayu (18.8%), dan 15 orang berbangsa Cina (14.9%).

Jadual 2 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Lelaki	17	16.8
Perempuan	84	83.2
Jumlah	101	100.0

Berdasarkan Jadual 2, daripada 101 orang responden ($n=101$), didapati bahawa 84 orang (83.2%) terdiri dari pada pelajar perempuan manakala 17 orang lagi (16.8%) terdiri daripada pelajar lelaki.

Jadual 3: AnalisisMinKeseluruhan Bagi Trait-Trait Personaliti Tajma Dalam Kalangan Guru Pelatih IPG

Statistik Deskriptif					
	<i>n</i>	Minimum	Maksimun	Min	Sisihan Piawai
Asertif	101	13.00	99.00	52.4752	15.03635
Analitikal	101	14.00	99.00	59.5545	16.54175
Keterbukaan	101	17.00	99.00	68.4653	17.19975
Yakin Diri	101	10.00	80.00	41.8812	12.05926
Kepimpinan	101	13.00	99.00	52.4752	15.03635
Jatidiri	101	14.00	99.00	59.5545	16.54175
Prihatin	101	17.00	99.00	68.4653	17.19975
Silangbudaya	101	14.00	99.00	59.5545	16.54175
Pencapaian	101	13.00	99.00	52.4752	15.03635
Integriti	101	17.00	99.00	68.4653	17.19975
Patriotisme	101	14.00	99.00	59.5545	16.54175
Valid <i>n</i> (listwise)	101				

*SP = Sisihan Piawai

Jadual 3 menunjukkan skor min tertinggi bagi tret keterbukaan, prihatin dan integriti iaitu 68.46 (SP = .19). Skor kedua tertinggi adalah tret analitikal, jati diri, silang budaya, dan patriotisme iaitu 59.55 (SP=.54). Skor min terendah bagi tret yakin diri iaitu 41.88 (SP = .05). Ini menunjukkan personaliti Guru Pelatih mempunyai dominan dengan tret personaliti keterbukaan, prihatin dan integriti.

Jadual 4 Taburan Tahap Personaliti

Pembolehubah	Frekuensi	Peratus
Asertif		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	14	13.9
sederhana	59	58.4
sederhana tinggi	19	18.8
Tinggi	8	7.9
Analitikal		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	7	6.9
sederhana	56	55.4
sederhana tinggi	27	26.7
tinggi	10	9.9
Keterbukaan		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	1	1.0
sederhana	40	39.6

Mohd Fahridzakki Bin Abd Rahman dan Zuria Mahmud
Personaliti Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru

sederhana tinggi	32	31.7
tinggi	27	26.7
Keyakinan Diri		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	41	40.6
sederhana	49	48.5
sederhana tinggi	9	8.9
tinggi	1	1.0
Kepimpinan		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	14	13.9
sederhana	59	58.4
sederhana tinggi	19	18.8
tinggi	8	7.9
Jatidiri		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	7	6.9
sederhana	56	55.4
sederhana tinggi	27	26.7
tinggi	10	9.9
Prihatin		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	1	1.0
sederhana	40	39.6
sederhana tinggi	32	31.7
tinggi	27	26.7
Silang Budaya		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	7	6.9
sederhana	56	55.4
sederhana tinggi	27	26.7
tinggi	10	9.9
Pencapaian		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	14	13.9
sederhana	59	58.4
sederhana tinggi	19	18.8
tinggi	8	7.9
Integriti		
rendah	1	1.0
sederhana rendah	1	1.0
sederhana	40	39.6
sederhana tinggi	32	31.7
tinggi	27	26.7
Patriotisme		

rendah	1	1.0
sederhana rendah	1	1.0
sederhana	40	39.6
sederhana tinggi	32	31.7
tinggi	27	26.7

Berdasarkan Jadual 4, dapat dilihat dari data tret personaliti yang tertinggi bagi guru pelatih pada tahap tinggi adalah tret Integriti, tret Keterbukaan dan tret Prihatin dengan 27 orang (26%). Bagi tahap sederhana tinggi adalah patriotisme 32 orang (31.7%). tahap sederhana pula tret tertinggi adalah tret asertif, kepimpinan dan pencapaian 59 orang (58%). Tahap sederhana rendah pula tret personaliti, keyakinan diri 41 orang (40.6%). Manakala tahap rendah mencatatkan semua tret personaliti mempunyai bilangan yang sama iaitu 1 orang (1.0%).

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bakal guru memiliki trait personaliti yang tinggi adalah prihatin, keterbukaan dan integriti. Ini telah menunjukkan bahawa guru pelatih ini mempunyai ciri-ciri personaliti yang sesuai untuk menjadi seorang guru. Dapatan ini seiring dengan dapatan Jafny (2012), dan (Azlina & Tan, 2008) bahawa tret personaliti prihatin, keterbukaan, dan integriti membantu membentuk kualiti guru. Tret personaliti ini membolehkan mereka menghadapi cabaran pendidikan seperti permasalahan sosial, kemerosotan kerohanian dan tuntutan masyarakat.

Tret Personaliti Integriti

Ini menunjukkan bahawa Guru Pelatih mempunyai tahap amanah, kejujuran dan tanggungjawab yang tinggi. Kebiasaannya, seseorang yang mempunyai integriti yang tinggi akan sanggup berkorban masa dan tenaga dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Disamping itu, beliau tidak mudah terpengaruh dengan perkara atau unsur-unsur rasuah yang boleh mencemar integritinya, boleh dipercayai dan sentiasa menunjukkan tahap moral dan nilai-nilai murni yang tinggi. Untuk mengharungi cabaran dengan penuh rasa integriti, kekentalan jiwa sebagai 'pendidik' banyak membantu bakal guru untuk bertahan dalam profesion. Personaliti guru yang kurang menepati kerjaya keguruan dipercayai mewujudkan kurang komitmen dan tidak inovatif dalam menyelesaikan masalah (David, 2000). Ini adalah elemen yang penting dalam dunia perkerjaan sekarang sekiranya seseorang itu mempunyai integriti yang rendah akan menimbulkan banyak masalah bagi pihak organisasi.

Tret Personaliti Prihatin

Guru Pelatih merupakan seorang yang sangat mudah mesra, baik hati, empati, mudah memahami perasaan sendiri dan orang lain, menunjukkan minat yang mendalam dalam hal-hal kemasyarakatan. Mudah untuk didekati, suka dan mudah untuk meluahkan simpati, kasih sayang, mudah memberikan bantuan kepada orang lain serta mempamirkan tahap sensitiviti yang tinggi. Tret personaliti PPT2 Prihatin (PT) yang menunjukkan interpretasi kumpulan ini secara umumnya bersedia membantu orang lain sekiranya ianya benar-benar memerlukan. Kumpulan ini bersedia menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan mengikut

keadaan. Ini disebabkan individu yang memiliki trait personaliti prihatin tidak mudah jemu atau kecewa dengan tuntutan kerja seperti dapatan kajian Junaidah dan Nik Rosali, (2013).

Tret Personaliti Keterbukaan

Guru Pelatih individu yang harus mempunyai personaliti keterbukaan yang tinggi ini adalah kerana bilangan IPG yang mempunyai persekitaran yang berbilang bangsa memberikan pendedahan terhadap kepelbagaian bangsa. Fahaman dan keterbukaan ini adalah satu ciri yang penting dan dapat membantu guru pelatih bila berada di sekolah. Ciri-ciri personaliti ini mempunyai persamaan dengan trait personaliti yang memang sesuai dimiliki oleh seorang guru (Faizah & Nagarajan 2012).

Tret Personaliti Keyakinan Diri

Bagi tret ini, guru pelatih memperolehi min yang paling rendah dan telah mengukuhkan lagi dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Dapatan ini seiring dapatan yang diperolehi Azhani (2008) dan Zulelawati & Yusni (2015). Ini adalah kerana guru pelatih ini masih di peringkat latihan di IPG. Keyakinan diri yang rendah ini adalah disebabkan budaya masyarakat Asia yang suka merendahkan diri. Oleh itu, sesuatu harus dilakukan bagi memastikan keyakinan diri mereka meningkat dan maklumat ini berguna pada pensyarah supaya memberikan peluang dan ruang pada guru pelatih untuk meningkatkan keyakinan diri mereka. Kajian Basim, Begenirbas dan Yalcin (2013) telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif personaliti keyakinan diri dengan kelesuan emosi dalam kalangan guru.

4 Kesimpulan

Guru yang mempunyai personaliti dan ketrampilan yang baik adalah aset yang tidak ternilai bagi bangsa dan negara. Memandangkan guru adalah contoh model yang paling dekat dengan pelajar selain daripada ibu bapa, maka wajarlah bagi seseorang guru untuk menyemai kualiti peribadi yang mulia dan membina personaliti yang terpuji agar dapat menjadi contoh tauladan yang terbaik kepada pelajar. Selain itu, memandangkan personaliti adalah aspek yang penting dalam kerjayanya, seseorang guru kerana setiap hari guru perlu menyampaikan ilmu kepada pelajar dan berurusan dengan pihak pentadbiran ibu bapa, jika personaliti guru yang baik dan menarik akan meninggalkan makna yang mendalam dalam jiwa seseorang pelajar. Justeru, personaliti boleh menjadi satu alat komunikasi bukan lisan yang lebih berkesan daripada komunikasi lisan. Hal ini disebabkan anak-anak biasanya lebih memahami ekspresi wajah yang marah berbanding kata-kata berunsur marah itu sendiri. Sebagai seorang guru abad ke 21, seseorang guru bukan saja harus menguasai bidang komunikasi inimalah perlunya mempunyai kekuatan personaliti yang mantap agar pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikannya menjadi lebih berkesan.

References

- [1] Azhani Adnan. (2008). Kertas Kajian. Personaliti Guru: Pengaruh ke atas Pengajaran dan Pembelajaran. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- [2] Azizi Yahaya. (2006). *Menguasai Penyelidikan : Teori, Analisis Dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur : PTS Professional Pub.
- [3] Azlina Mohd. Kosnin & Tan Sew Lee. (2008). Pengaruh Personaliti Terhadap Kepuasan Kerja dan Stres Kerja Guru. *Jurnal Teknologi*, 48(E) Jun : 33-47.
- [4] Basim, H.N., Begenirbas,M dan Yalcin, R.C (2013). Effects of teacher personalities on emotional exhaustion: Mediating role of emotional labor. *Educational Sciences: Theory & Practice*. 13(3) : 1488-1496.
- [5] Boyle, Gregory J. Boyle,G.M. and D.H.S. (2008). *Personality Measurement and Testing: An Overview*. In *The SAGE Handbook of Personality Theory and Assessment: Personality Measurement and Testing* (First, pp. 1– 26). London: Sage Publications.
- [6] Chua Yan Piaw. (2013). *Mastering Research Statistics*. Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- [7] David Selvam. (2000). *Pengaruh Personaliti Terhadap Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Sintok : Universiti Utara Malaysia.
- [8] Faizah bt Abd. Ghani & Nagarajan Kupusamy. (2012). Hubungan Trait Personaliti dan Kecekapan Guru Bimbingan dan Kaunseling Dalam Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang Johor. *Journal of Educational Psychology & Counseling*.(6) June : 92-115.
- [9] Hasbullah Hj Abu Kassima, Ahmad Syukran Baharuddinb, Mohd Tajudin Ninggal. (2016). Tinjauan Relevansi Tret Personaliti Kaunselor Muslim di Institusi Pendidikan Tinggi Melalui Profil Personaliti TAJMA. *Universiti Teknologi Malaysia : Humanika*.
- [10] Haslina Hanapi. (2013). *Pembinaan Instrumen Kesiapan Belajar Awal Kanak-Kanak (Ikbak)*. Universiti Sains Malaysia.
- [11] Jafny Hj. Jaapar. (2012). *Pengaruh Faktor Personaliti, Tekanan Kerja dan Kecerdasan Emosi Terhadap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Kaunselor Sekolah Menengah*. Tesis Master Sains yang tidak diterbitkan. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- [12] Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [13] Mohd Tajudin Ninggal. (2014). *Profesionalisme Dalam Kaunseling dan Cabaran Masa Kini Di Malaysia*.Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- [14] Muhd Mansur Abdullah. (1993). *Kaunseling;Teori,Proses dan Kaedah*. Edisi Kedua. (Kedua). Johor Bahru, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- [15] Sidek Mohd Noah. (2005). *Pengujian dan Penilaian dan Kaunseling : Teori & Aplikasi*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- [16] Zulelawati Bujang & Yusni Zaini Yusof. (2015). Trait Personaliti Dan Hubungan Dengan Prestasi Akademik Bakal Guru Di Sebuah Institusi Latihan Perguruan. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)* Vol.8 :171-180.